

Perkara
III

SENARAI MOU/MoA



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) / MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) / LoA / LoI / CA ANTARA UniMAP & INDUSTRI / INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM NEGARA TAHUN 2011

Industri/Institusi: Asian Composites Manufacturing (ACM)

Tarikh: 13/01/2011

Tempoh: 13/01/2011 - 12/01/2014 (3 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Menyediakan penceramah untuk program yang dianjurkan oleh Pusat Kerjasama Industri (CIC) dan PPK Bahan.
2. Persetujuan perancangan bidang penyelidikan yang boleh dilaksanakan oleh tenaga penyelidik UniMAP bagi membantu pihak ACM.
3. Persetujuan dalam melaksanakan Program Job Camp di ACM.

Industri / Institusi: Jabatan Pelajaran Perak

Tarikh: 10/04/2011

Tempoh: 10/04/2011 - 04/2013 (2 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Penglibatan langsung Jabatan Pelajaran Perak dalam i-ENVEX 2011.
2. Merupakan kesinambungan kerjasama yang sudah terjalin sebelum ini dengan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan EYReC dalam mendapatkan khidmat kepakaran dan pengujian hasil-hasil penyelidikan sekolah-sekolah dari negeri Perak.
3. Mengadakan program khidmat masyarakat iaitu CSR kepada sekolah-sekolah dengan memberi khidmat nasihat, perundingan dan pengujian bagi bidang penyelidikan bersama.
4. Mengadakan program promosi UniMAP di sekolah-sekolah sekitar Perak melalui gerakan menyeluruh dengan bantuan Jabatan pelajaran Perak.
5. Menjayakan persidangan dan seminar secara usahasama.

Industri / Institusi: Malaysian Invention & Design Society (MINDS)

Tarikh: 10/04/2011

Tempoh: 10/04/2011 - 04/2013 (2 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Penglibatan langsung MINDS dalam program i-ENVEX 2011.
2. Jalinan kerjasama ini adalah yang pertama kali diadakan antara UniMAP dengan badan NGO yang menjurus kepada bidang penyelidikan. MINDS telah bersetuju untuk menubuhkan Perlis Chapter di bawah naungan UniMAP lanjutan UniMAP telah mempunyai Kelab Penyelidik Muda yang stabil iaitu ENVEX Young Researcher Club (EYReC).

Industri / Institusi : Malaysia Medical Relief Society (MERCY MALAYSIA)

Tarikh: 24/07/2011

Tempoh: 24/07/2011 - 23/07/2016 (5 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Jalinan kerjasama melibatkan UniMAP melalui Pusat Kesihatan dan MERCY Malaysia.
2. Memberi pendedahan kepada warga UniMAP, terutama di kalangan pelajar bagi menghadapi bencana.
3. Memberi peluang kepada UniMAP untuk bertindak sebagai pasukan bantuan bencana bersama MERCY Malaysia di sekitar Perlis sehingga ke peringkat antarabangsa.

Industri / Institusi: Malaysia Automotive Institute (MAI)

Tarikh: 24/07/2011

Tempoh: 24/07/2011 - 23/07/2016 (5 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Merupakan kesimbungan kerjasama yang telah terjalin melalui program Job Camp UniMAP-Malaysia Automotive Institute (MAI) pada tahun lepas. Dalam program tersebut pihak MAI telah berjaya melatih 20 orang graduan UniMAP dalam bidang kejuruteraan rekabentuk automotif atau lebih dikenali sebagai program Digital Engineering Prototyping (DEP).
2. Pada tahun ini juga UniMAP dan MAI merancang untuk meneruskan perlaksanaan program Job Camp UniMAP - MAI dengan penglibatan peserta seramai 35 orang.
3. Mampu memperkembangkan pengetahuan dan sekaligus membantu MAI dalam pembangunan dan penyediaan tenaga kerja yang berkualiti bagi sektor automotif negara.

Industri / Institusi: Silterra Malaysia Sdn Bhd

Tarikh: 24/07/2011

Tempoh: 24/07/2011 - 23/07/2014 (3 Tahun)

Bidang Kerjasama:

Penganjuran bersama program-program:

1. SNUCoE - Training Program for Fresh Engineers (Semiconductor Fabrication and Failure Analysis).
2. Silterra FasTrack - Training for Engineers (Device Modeling, MEMS and Design)
3. PSDC Fastrack Silterra-Training for Engineers (Device Modeling, MEMS and Design).
4. PRISE II
5. SNUCOE-Training Program for Fresh Engineers (Semiconductor Fabrication and Failure).

Industri / Institusi: 1. Universiti Sains Malaysia (USM)**2. TATI University College (TATIUC)****3. Virtual Reality Solutions Sdn Bhd (VRS)****4. Industronic Automation Sdn Bhd (IASB)****Tarikh:** 05/08/2011**Tempoh:** 05/08/2011 - 04/08/2016 (5 Tahun)**Bidang Kerjasama:**

1. Kerjasama berkaitan kajian dalam membangunkan teknologi yang dapat mengesan dan merawat masalah ketidakseimbangan tubuh yang dinamakan *Development and Validation of the 3D Automated Balance Evaluator and Virtual Rehabilitation (ABEVR) For Balance Disordered, Post-Stroke and Psychiatric Patients.*
2. Ia akan menjadi peralatan perubatan pertama yang boleh digunakan untuk mengesan dan merawat yang akan dibangunkan dengan menggunakan teknologi automasi dan virtual reality.

**Industri / Institusi: MIMOS BERHAD****Tarikh:** 15/08/2011**Tempoh:** 15/08/2011 - 14/08/2014 (3 Tahun)**Bidang Kerjasama:**

1. Penyelidikan bersama dalam Fabrikasi Wafer dan Analisis Kegagalan.
2. Mengurangkan kos bagi instrumen analisis yang tidak boleh didapati di UniMAP / MIMOS.

**Industri / Institusi: SSCM Northern Sdn Bhd****Tarikh:** 16/09/2011**Tempoh:** 16/09/2011-15/09/2014 (3 Tahun)**Bidang Kerjasama:**

1. Bekerjasama dalam bidang penyelidikan dan berkongsi kemudahan dalam pendidikan pelajar.
2. Bekerjasama dalam menyumbang kepada kemajuan teknologi serta berkongsi kepakaran teknikal untuk tujuan penyelidikan, pendidikan untuk kegunaan manufacturing set-up.

**Industri / Institusi : Kolej Matrikulasi Teknikal Kedah****Tarikh:** 16/09/2011**Tempoh:** 16/09/2011-15/09/2014 (3 Tahun)**Aktiviti:**

1. Perkongsian ilmu, kemahiran dan kepakaran beserta kemahiran mengguna dan mengeksplorasi peralatan.
2. Menjadi ahli pusat sumber UniMAP dan bekerjasama dalam program pengurusan pelajar.



Industri / Institusi: TAJ International College

Tarikh: 16/09/2011

Tempoh: 16/09/2011-15/09/2016 (5 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. TAJ International College sebagai pusat serantau UniMAP dalam menawarkan kursus Diploma Kejuruteraan Komputer di bawah Pusat Pengajian Komputer dan Perhubungan.
2. Bekerjasama dalam bidang-bidang lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Industri/Institusi: CDC Asia Pacific Consultancy Sdn. Bhd.

Tarikh: 16/09/2011

Tempoh: 16/09/2011-15/09/2016 (5 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Menganalisis keperluan pasaran program-program dalam bidang Kejuruteraan, Keusahawanan, Pengurusan Perniagaan dan Pengajian Pascasiswa.
2. Menganalisis, merekabentuk dan membangunkan program-program bagi industri pembuatan dan perkhidmatan.
3. Berkongsi sumber untuk menyelaras program-program. CDC akan berkongsi pangkalan data industri yang berkaitan dan dipersetujui.
4. Pensijilan bersama bagi program-program latihan industri.

Industri / Institusi: MYREKA Technologies Sdn. Bhd.

Tarikh: 16/09/2011

Tempoh: 16/09/2011-15/09/2013 (2 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Membangunkan 'software' berdasarkan teknik-teknik pengiraan berdasarkan evolusi hybrid.
2. Meningkatkan prestasi 'circuit' dengan menggunakan kuasa yang optimum
3. Perkongsian kepakaran dalam menyelaras dan membantu program-program yang berkaitan
4. Bekerjasama dalam bidang-bidang lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Industri / Institusi: B.Braun Medical Industries Sdn Bhd

Tarikh: 28/09/2011

Tempoh: 28/09/2011-27/09/2016 (5 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Cadangan Perlaksanaan Job Camp 2012 bersama B.Braun Medical Industries Sdn Bhd.
2. Perbincangan turut melibatkan kerjasama lain seperti perancangan penempatan pelajar latihan industri di B Braun.
3. Sesi lawatan dari B Braun ke UniMAP berkaitan potensi-potensi kerjasama kajian yang boleh dilakukan bersama.

Industri / Institusi: Sukimi (M) Sdn Bhd (SMSB)

Tarikh: 22/10/2011

Tempoh: 22/10/2011-21/10/2013 (2 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Kajian modifikasi bahan polimer sebagai pemekat (thickener), agen perekat (adhesion agent) dan pengubahsuai reologi (rheology modifier) dalam minyak pelincir bagi meningkatkan keupayaan minyak tersebut.
2. Kajian terhadap pelbagai bahan tambah polimer (polymer additive) terhadap minyak pelincir bagi mengurangkan geseran antara logam dalam enjin.
3. Kajian terhadap potensi kitar semula minyak pelincir dengan kaedah modifikasi menggunakan bahan tambah polimer.
4. Kajian potensi menggunakan sumber minyak yang lain dari minyak yang berasaskan petroleum seperti minyak sayuran, sawit atau lain-lain.

Industri / Institusi: IRU1 Motosports Sdn Bhd

Tarikh: 31/10/2011

Tempoh: 31/10/2011-30/10/2014 (3 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Pengurusan dan perundingan tentang projek litar go-kart/sukan permotoran yang akan dibina di UniMAP.
2. Bekerjasama dalam exchange program seperti penempatan pelajar dan seminar.
3. Menubuhkan unit sukan permotoran dalam rangka kerja UniMAP untuk meningkatkan penjenamaan UniMAP dalam bidang pendidikan dan kejuruteraan automotif.
4. Menghasilkan pelumba, jurutera dan kepakaran teknikal bertaraf dunia dalam industri permotoran.

Industri/Institusi: Unmanned Systems Technology Sdn Bhd

Tarikh: 07/12/2011

Tempoh: 07/12/2011-06/12/2014 (3 Tahun)

Bidang Kerjasama:

1. Kerjasama dalam bidang kajian dan pembangunan Multirotor Unmanned Aerial Vehicle UniMAP dan Fixed Wing UAV UST, Alludra.
2. Bidang kerjasama di antara kedua-dua pihak akan merangkumi sub-sistem yang terdapat di dalam sesebuah UAV; di antaranya bahan dan angkutan beban (sensors and payload), sistem penghantaran data (data link), sistem pendaratan dan sistem pengagihan kuasa (power distribution system/unit). Kerjasama ini akan berjalan dalam jangka masa sehingga perkara-perkara ditetapkan dapat diatasi secara berkesan.
3. Langkah proaktif dalam usaha menggabungkan sumber intelektual dan industri bagi mendalamai sub sistem dalam industri UAV.

Industri / Institusi: TATIUC**Tarikh:** 21/12/2011**Tempoh:** 21/12/2011-06/12/2014 (3 Tahun)**Bidang Kerjasama:**

- 1) Bekerjasama untuk "Nigerian Youth Development Program" yang merangkumi bidang kerjasama seperti:
 - menjadi penyelia dalam memberikan sesuatu latihan
 - menyediakan latihan dan kemudahan latihan
 - memantau kualiti latihan yang disediakan
 - Bertanggungjawab ke atas pelatih semasa dalam sesi latihan

Industri / Institusi: Petmal Oil Holdings sdn Bhd**Tarikh:** 21/12/2011**Tempoh:** 21/12/2011-06/12/2014 (3 Tahun)**Bidang Kerjasama:**

- 1) Bekerjasama untuk "Nigerian Youth Development Program" yang merangkumi bidang kerjasama seperti:
 - mempromosikan program latihan yang dijalankan oleh TATIUC dan UniMAP
 - menyediakan visa pelajar dan menguruskan proses ketibaan pelajar di Malaysia
 - Bertanggungjawab ke atas pelatih semasa dalam sesi latihan
 - Mencari sumber dana dan membuat bayaran kepada penyedia latihan

Industri / Institusi: Small And Medium Enterprise Corporation Malaysia (SME CORP)**Tarikh:** 24/08/2011**Tempoh:** 24/08/2011-01/02/2012 (1 Tahun)**Bidang Kerjasama:**

1. Memperkenalkan program kerjasama dengan UniMAP kepada industri perniagaan tempatan di Malaysia.
2. SME-Corp bertanggungjawab dalam menyediakan eluan untuk setiap pelajar yang menyertai program ini.
3. Menubuhkan satu pasukan petugas yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program ini.

Industri / Institusi: Asia Debut Sdn Bhd**Tarikh:** 16/09/2011**Tempoh:** 16/09/2011-15/09/2026 (15 Tahun)**Bidang Kerjasama:**

Cadangan untuk mendapatkan hak konsesi eksklusif bagi meningkatkan kualiti dan tahap liputan komunikasi di UniMAP secara bersepadu dan komprehensif menerusi penyediaan secara eksklusif

"infrstruktur komunikasi gunasama" dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi.

Industri / Institusi: Silterra Malaysia Sdn Bhd**Tarikh:** 08/12/2011**Tempoh:** 08/12/2011-07/12/2013 (3 Tahun)**Aktiviti:****1. MoA**

UniMAP telah mempromosikan kepakaran dalam bidang rekabentuk Microelectromechanical Systems (MEMS) kepada Silterra Malaysia Sdn Bhd disamping mempromosikan keupayaan UniMAP dalam bidang fabrikasi semikonduktor. Silterra pula berminat untuk mempertingkatkan keupayaan pengeluaran menerusi lantikan lebih ramai jurutera yang baru bergraduasi.

Program FasTrack. Terdapat 18 orang Jurutera daripada Silterra yang melibatkan diri dalam Program FasTrack. Program ini adalah untuk melatih Jurutera-Jurutera Muda Silterra dengan ilmu dan kemahiran khusus industri semikonduktor terutamanya berkaitan Fabrikasi Wafer, MEMS dan teknologi elektronik.

SNUCOE merupakan program yang melibatkan latihan tenaga kerja kejuruteraan Silterra seramai 25 orang. Ia meliputi latihan dalam bidang Kejuruteraan Mikrofabrikasi Semikonduktor dan MEMS serta Industri Elektronik secara keseluruhan.

2. MoU

Program Job camp adalah salah satu program untuk memberi peluang dan pendedahan kepada graduan yang telah bergraduat bagi menyertai industri dan sekaligus diterima sebagai pekerja di industri tersebut. Peserta akan ditempatkan selama 6 bulan di industri berdasarkan permintaan dari industri. Pada tahun 2010, Silterra telah menerima seramai 12 orang peserta pada bagi menjalani program ini. Berdasarkan maklumbalas daripada pihak Silterra, program ini mencapai kejayaan 100% dimana kesemua pelajar ditawarkan jawatan setelah menamatkan program ini. Namun demikian sehingga kini hanya 9 orang sahaja peserta program Job Camp masih kekal berada di Silterra untuk meneruskan perkhidmatan mereka sebagai staf tetap.

MoU/MoA ANTARABANGSA

Demi menyahut saranan memperluaskan keterlibatan UniMAP di persada antarabangsa, pihak Universiti telah menjalinkan kerjasama erat dengan pelbagai institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 28 MoU/MoA telah ditandatangani.

Melalui MoU/MoA ini kedua-dua belah pihak dapat :

1. meningkatkan dan memantapkan hubungan dua hala dalam kalangan staf akademik, penyelidik dan pelajar.
2. menjalin kerjasama dan pertukaran pengetahuan dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan sosial.
3. membuka ruang yang lebih luas untuk program pertukaran pelajar atau penempatan staf di kedua belah pihak.
4. membangun dan menggiatkan secara bersama aktiviti penyelidikan, seminar, persidangan, bengkel.
5. berkongsi pengalaman dan kepakaran mengenai pentadbiran dan pengurusan universiti, dan menggalakkan kerjasama strategik untuk manfaat kedua belah pihak.

Institusi Pengajian Tinggi	Negara	Tarikh	
		Mulai	Hingga
Norton University, Cambodia	Cambodia	11/03/2011	10/03/2016
Cambodia Mekong University (CMU)	Cambodia	11/03/2011	10/03/2016
Cambodia International University (IU)	Cambodia	11/03/2011	10/03/2016
Technological Education Institute (T.E.I) of Piraeus	Greece	06/04/2011	07/04/2016
University of Electronic Science & Technology of China	China	25/05/2011	24/05/2016
Universitas Padjajaran (UNPAD)	Indonesia	25/06/2011	24/06/2016
Geopolymer Institute, State-Quentin, France	Perancis	06/07/2011	05/07/2016
Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Universitas Pembangunan Pasca Budi	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Universitas Dharmawangsa	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Universitas Quality	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Universitas Sisigamangaria XII Tapanuli	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Universitas Setia Budi Mandiri	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Universitas Amir Hamzah	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Universitas Medan Area	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Harapan	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Sekolah Tinggi Teknologi Immanuel	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Sekolah Tinggi Teknik Harapan	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Sekolah Tinggi Manajmen Informatika dan Komputer Ubudiyah	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Politeknik Unggul LP3M	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Akademi Perawat Imelda	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Sekolah Tinggi Ilmu Kesihatan Mutiara	Indonesia	29/07/2011	28/07/2016
Petra Christian University, Surabaya, Indonesia	Indonesia	26/09/2011	25/09/2016
Innovation & Creativity Center Far East University	Taiwan	10/11/2011	09/11/2016
Romanian Inventor Forum (RIF), Romania	Romania	10/11/2011	09/11/2016
Nahda University	Mesir	09/12/2011	09/12/2016
Cairo University	Mesir	09/12/2011	09/12/2016
La Trobe University	Australia	09/12/2011	09/12/2017